

# Bekas KPN bakal dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

**B**ATU PAHAT: Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan (*gambar*), bakal dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) sempena Majlis Konvoesyen ke-10 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bermula 10 hingga 12 Oktober ini.

Naib Canselor UTHM, Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, berkata penganugerahan itu bagi menghargai sumbangan besar Musa dalam usaha beliau memodenkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutama penggunaan pelbagai teknologi terkini dalam pengurusan dan operasi kepolisian.

Katanya, bekas ketua polis negara itu memperkenalkan sistem C4I (Arahan, Kawalan, Koordinasi, Komputer, Integrasi) yang terbukti melancarkan ope-



rasi PDRM.

"Selain itu, beliau menggalakkan penggunaan teknologi canggih bagi menyelesaikan kes jenayah selain memperkasakan penggunaan Kamera Litar Ter tutup (CCTV) bagi membantu

mencapai dasar kerajaan mewujudkan 'bandar selamat'.

"Penggunaan CCTV di bandar terbukti berjaya mengurang dan menyelesaikan banyak kes jenayah," katanya.

Menurutnya, seorang lagi tokoh yang bakal dianugerahkan Ijazah Kehormat Tokoh Falsafah (Pendidikan Teknikal) ialah bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Imran Idris.

Katanya, Imran yang juga Pengarah Politeknik Batu Pahat pertama, akan menerima anugerah berkenaan sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan UTHM di atas jasa beliau dalam merangka dasar dan pelan pembangunan serta transformasi pendidikan teknikal khususnya politeknik di negara ini.

"Usaha gigih beliau dalam pembangunan pendidikan teknik dan vokasional memberi impak besar bagi membantu kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian dan maju.

"Hasil usahanya, kolej komuniti dan politeknik di seluruh negara menjadi median penting bagi melahirkan tenaga mahir dan profesional dalam bidang teknikal," katanya.

Katanya, Sultan Johor, Sultan Ibrahim berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan sidang pertama Majlis Konvoesyen, Ahad ini.

Majlis kali ini juga akan mencatat sejarah, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail akan dimahsyurkan sebagai Pro-Canselor UTHM bagi berganding bahu dengan Pro-Canselor sedia ada, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir.